

MPK kedua terbaik kajian prestasi

SHAH ALAM - Kajian prestasi oleh Merdeka Centre for Opinion Research pada tahun 2016 terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor menunjukkan 74 peratus responden berpuas hati dengan PBT berbanding tahun 2015.

Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, antara PBT yang menunjukkan peningkatan paling ketara adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mencatat sehingga 18 peratus responden berpuas hati.

"Majlis Perbandaran Klang (MPK) pula menduduki tempat kedua dengan 14 peratus manakala tempat ketiga diraih Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 12 peratus.

"Peratusan aduan juga menunjukkan telah berlaku penurunan secara signifikan daripada 21 kepada 15 peratus pada tahun 2015," katanya ketika berucap pada majlis anugerah perkhidmatan cemerlang dan penghargaan kepada pesara MPK 2016, di SACC di sini malam kelmarin.

Hadir sama, Yang Dipertua (YDP) MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin.

Menurutnya, melalui kajian itu responden turut mencadangkan agar PBT lebih memberi tumpuan dalam menyediakan kemudahan taman dan rekreasi serta pembaikan jalan-jalan berlubang.

Pada masa sama, beliau turut memuji dan mengucapkan tahniah ke-



Mohd Amin (kanan) menyampaikan sijil anugerah perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan MPK, Mohd Affaizul Abd Majid malam kelmarin sambil disaksikan Mohamad Yasid (tengah).

pada MPK yang sudah mencapai rating lima bintang untuk AI.

"Saya dimaklumkan daripada 12 PBT di Selangor, lapan daripadanya sudah mencapai lima bintang, ini menunjukkan peranan semua pihak sama ada pegawai atasan dan juga bawahan penting dalam memacu idea ke arah pembangunan majlis," katanya.

Pada majlis itu juga, seramai 120 kakitangan MPK menerima anugerah perkhidmatan cemerlang termasuk 41 pesara. Empat keluarga kakitangan yang meninggal dunia sepanjang tahun lalu juga diraikan.

Tiga kakitangan turut menerima anugerah khas YDP iaitu atlet boling padang, Nor Hashimah Ismail; atlet futsal, Muhammad Awaluddin Hassan dan atlet berbasikal dan triathlon, Izwan Md Sumairi.

